



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### FILIPINA MENGAMBIL ALIH KEPENGERUSIAN ASEANTOM, MENERUSKAN LEGASI MALAYSIA

---

**JOHOR BAHRU, 14 OGOS 2025** – YB. Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi hadir menyempurnakan majlis penutupan Mesyuarat Mesyuarat Tahunan Rangkaian Badan Kawal Selia Tenaga Atom ASEAN (ASEANTOM) Ke-12 di Renaissance Hotel, Johor Bahru, Johor.

ASEANTOM 2025 dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai Pengerusi ASEANTOM, bersempena dengan Kepengerusian Malaysia di ASEAN bagi tahun 2025.

Dalam majlis penutupan mesyuarat ini Malaysia secara rasmi menyerahkan jawatan Pengerusi Mesyuarat ASEANTOM kepada Negara Filipina, sebagai tanda berakhirnya sidang kemuncak Mesyuarat ASEANTOM 2025. YB. Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal turut menyaksikan Penyerahan Kepengerusian Mesyuarat ASEANTOM antara Atom Malaysia dan wakil negara Filipina.

Dalam ucapan penutupan, YB. Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, telah menyampaikan penghargaan kepada para delegasi atas kerjasama dan sokongan mereka sepanjang Malaysia menjadi Pengerusi Mesyuarat ASEANTOM. Beliau juga merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Johor dan agensi persekutuan yang telah menunjukkan dedikasi, profesionalisme dan semangat kebersamaan yang selari dengan nilai-nilai Malaysia MADANI—khususnya dalam aspek ihsan, amanah dan kesejahteraan.

Yang Berhormat Timbalan Menteri turut menekankan bahawa Malaysia telah dan sentiasa bekerjasama rapat dengan negara anggota ASEAN untuk mengukuhkan kerjasama serantau bagi memastikan penggunaan teknologi nuklear yang selamat, terjamin dan terkawal di rantau ini.

Beliau turut menegaskan semangat perpaduan, kepercayaan, dan kerjasama yang mentakrifkan ASEAN dan ASEANTOM harus diteruskan agar keamanan dan kemakmuran rantau ini dapat dikekalkan.

**#TAMAT#**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI DAN INOVASI  
14 OGOS 2025**

Pautan: [https://drive.google.com/drive/folders/1FEIO0J-CCcxjEEilbjxea\\_1Zqojy-GQJ?usp=sharing](https://drive.google.com/drive/folders/1FEIO0J-CCcxjEEilbjxea_1Zqojy-GQJ?usp=sharing)



## **JABATAN TENAGA ATOM (Atom Malaysia)**

Pengawalan ke atas penggunaan benda-benda radioaktif telah dijalankan sejak tahun 1968 lagi apabila Parlimen meluluskan Akta Benda-benda Radioaktif 1968. Memandangkan perkembangan aktiviti tenaga atom yang pesat di Malaysia, kawalan yang lebih berkesan diperlukan. Pada April 1984, Parlimen telah meluluskan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304). Seterusnya Lembaga Perlesenan Tenaga Atom telah ditubuhkan pada 1 Februari 1985 dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Pada 27 Oktober 1990, jabatan ini telah ditempatkan di bawah Kementerian, Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Seterusnya pada 9 Jun 2022, agensi ini telah dinamakan sebagai Jabatan Tenaga Atom (Atom Malaysia).

Atom Malaysia adalah sebuah badan penguatkuasa yang bertanggungjawab bagi mengawal dan mengawalselia Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) dan perundangan-perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya. Tujuannya adalah bagi memastikan semua aktiviti yang melibatkan penggunaan tenaga atom dikendalikan dengan selamat tanpa membahayakan pekerja, orang awam, harta benda dan alam sekitar.

## **OBJEKTIF**

Untuk memastikan penggunaan tenaga atom adalah selamat, terjamin dan dikawalguna demi melindungi masyarakat, pekerja dan alam sekitar.

## **FUNGSI DAN PERANAN**

Peranan Atom Malaysia adalah untuk melaksanakan fungsi-fungsi Lembaga seperti yang diperuntukkan dalam Akta 304:

- i. Memberi nasihat kepada Menteri dan Kerajaan Malaysia atas perkara-perkara berhubung dengan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 dan perkembangan mengenainya terutamanya mengenai implikasi-implikasi perkembangan itu bagi Malaysia;
- ii. Mengawal dan mengawasi aktiviti penggunaan tenaga atom dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya;
- iii. Menubuhkan, menyenggara dan mengembangkan kerjasama saintifik dengan mana-mana badan, institusi atau organisasi lain berhubung dengan perkara-perkara nuklear atau tenaga atom sebagaimana difikirkan sesuai oleh Lembaga bagi maksud-maksud Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984;
- iv. Di mana diarahkan sedemikian oleh Kerajaan Malaysia, melaksanakan atau memperuntukkan bagi pelaksanaan obligasi-obligasi yang timbul daripada perjanjian, konvensyen atau triti berhubung dengan perkara-perkara nuklear atau tenaga atom yang mana Malaysia menjadi satu pihak jika perjanjian, konvensyen atau triti itu ada hubungan dengan maksud-maksud Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984; dan
- v. Melakukan perkara-perkara lain yang timbul atau berbangkit daripada fungsi-fungsi Lembaga ini di bawah Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 yang tidak berlawanan dengan maksud-maksud Akta itu, sama ada diarahkan atau tidak diarahkan oleh Menteri.